

## **ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ**

### **[ANALYSIS OF PROFESSIONALISM DEVELOPMENT TRAINING NEEDS FOR TAHFIZ INTEGRATED CURRICULUM TEACHERS]**

AHMAD NAJMI MAT PIAH<sup>1\*</sup> & HAFIZAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

Received: 10 December 2023

Accepted: 30 January 2024

Published: 26 February 2024

---

**Abstrak:** Guru Tahfiz merupakan penggerak kepada Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dilaksanakan bermula tahun 2014. Pelaksanaan kurikulum baharu ini menjadi cabaran kepada guru tahfiz yang masih kurang pengalaman. Profesionalisme guru tahfiz dapat dipertingkatkan melalui latihan-latihan pembangunan profesional yang bersesuaian. Analisis keperluan latihan hendaklah dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan latihan yang dilaksanakan memenuhi kehendak dan keperluan semasa mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz dalam pelaksanaan kurikulum tahfiz dan mengenalpasti latihan pembangunan profesionalisme yang diperlukan oleh mereka. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah temubual. Seramai tiga orang guru tahfiz telah terpilih sebagai peserta kajian. Data dianalisis menggunakan teknik analisis tematik bagi mendapatkan tema dan jenis latihan yang diperlukan. Dapatkan kajian menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz iaitu kurang kreativiti dalam pembinaan bahan bantu mengajar dan pengajaran, kesukaran aplikasi teknologi dan kemahiran dalam pengajaran dan kurang kefahaman dan kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, latihan yang diperlukan adalah Bengkel Pedagogi Kreatif, Bengkel Inovasi Bidang Tahfiz, Bengkel Pengajaran Abad Ke-21, Perkongsian Amalan Terbaik Melalui Lawatan Penanda Aras, Bengkel Pemantapan Bahasa Arab dan Coaching Mentoring. Hasil kajian ini amat berguna kepada pentadbir atau pihak berwajib yang mengendalikan latihan sebagai satu asas kepada perancangan latihan pembangunan profesionalisme guru tahfiz.

**Kata Kunci:** Guru Tahfiz, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, cabaran, keperluan latihan, pembangunan profesionalisme.

**Abstract:** Tahfiz teachers are the driving force behind the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) which was implemented starting in 2014. The implementation of this new curriculum being a challenge for tahfiz teachers who still lack of experience. The professionalism of tahfiz teachers can be improved through appropriate professional development exercises. Analysis of training needs should be carried out first to ensure that the training meets their current needs. This paper aims to explore the challenges faced by tahfiz teachers in the implementation of the tahfiz curriculum and identify the professionalism development training they need. This paper is a qualitative study and uses the interview method. A total of three tahfiz teachers were selected as study participants. Data were analyzed using thematic analysis techniques to obtain the themes and types of training required. The findings of the study show a number of challenges faced by tahfiz teachers which are lack of creativity in the construction of teaching aids and teaching materials, difficulties in the application of technology and skills in teaching and lack of

understanding and speaking skills in Arabic. In relation to that, the required training is Creative Pedagogy Workshop, Tahfiz Innovation Workshop, 21st Century Teaching Workshop, Best Practice Sharing Through Benchmark Visit, Arabic Language Strengthening Workshop and Mentoring Coaching. The results of this study are very useful for administrators or authorities who handle training as a basis for planning tahfiz teacher professionalism development training.

**Keywords:** Tahfiz teacher, Tahfiz Integrated Curriculum, challenges, training needs, professional development.

**Cite This Article:**

Ahmad Najmi Mat Piah & Hafizah Zulkifli. (2024). Analisis Keperluan Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz [Analysis of Professionalism Development Training Needs for Tahfiz Integrated Curriculum Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(1), 1-12.

## PENDAHULUAN

Masyarakat Malaysia menyambut baik perkembangan pendidikan tahfiz. Siti Khadizah et al., (2021) menjelaskan bahawa penubuhan institusi tahfiz yang dikendalikan oleh kerajaan negeri dan persendirian juga menunjukkan peningkatan dan usaha positif untuk memartabatkan program tahfiz di Malaysia dengan pelbagai penambahbaikan kepada sistem pengajian. Oleh itu, kerajaan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diurus tadbir oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI, KPM). Pada tahun 2014, ia telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rintis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Sehingga kini, lebih banyak sekolah telah melaksanakan kurikulum tahfiz ini. Selain itu, untuk memastikan matlamat pendidikan tahfiz di Malaysia dapat dicapai, penyediaan guru tahfiz untuk melaksanakan program ini terus diperkasakan. Tugas guru tahfiz adalah sama seperti tugas guru lain, mereka mempunyai tanggungjawab tertentu, seperti yang dinyatakan dalam Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (2015).

Berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2015) bahawa guru bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf pendidikan negara, penyediaan Guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (GKBT) yang berkualiti tinggi adalah penting untuk mencapai matlamat pendidikan tahfiz yang masih baharu. Guru tahfiz mesti mempunyai keupayaan untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar mereka, membimbing mereka dalam proses belajar bidang al-Quran, dan mendidik mereka dengan tingkah laku dan nilai Islam. Program pembangunan profesionalisme dan peningkatan kemahiran guru tahfiz memerlukan strategi dan perancangan yang baik. Melalui latihan dan pembelajaran berterusan, guru tahfiz harus diberi peluang untuk terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Kemahiran komunikasi yang baik, pengurusan kelas yang berkesan, etika kerja, dan penggunaan teknologi dalam pengajaran adalah semua elemen penting dalam program pembangunan profesionalisme (Azarul Razamin et al., 2023).

Untuk menjayakan kurikulum tahfiz yang baru diperkenalkan di negara kita, guru tahfiz adalah individu yang perlu dipertanggungjawabkan. Kebanyakan mereka berkhidmat kurang daripada sepuluh tahun dan masih kurang pengalaman dalam bidang pendidikan. Untuk meningkatkan kompetensi mereka, pihak KPM telah berusaha untuk melaksanakan program

pembangunan profesionalisme bagi meningkatkan kualiti pendidik (Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan, 2014). Namun begitu, program pembangunan profesionalisme yang dilaksanakan tidak mengambil kira keperluan latihan guru tahfiz, yang menyebabkan kurang keberkesanan dan impak kepada guru tahfiz. Kejayaan sesebuah sekolah dipengaruhi oleh kualiti guru tahfiz yang meningkatkan prestasi murid tahfiz. Maka, adalah penting menganalisis keperluan latihan untuk membina profesionalisme guru dan kemudian menyelesaikan masalah guru tahfiz. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk:

1. Meneroka cabaran yang dihadapi oleh Guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz dalam melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz.
2. Mengenalpasti jenis latihan pembangunan profesionalisme yang diperlukan oleh Guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Kurikulum Bersepadu Tahfiz**

Menurut gelombang 1 (Bab 7) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025), KPM berhasrat untuk menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi yang lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan yang berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Untuk mencapai matlamat ini, kementerian memperkuuh pelaksanaan kurikulum dengan memasukkan elemen agama ke dalam kurikulum dan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai kurikulum kebangsaan. Program pendidikan yang dipanggil Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran yang ditawarkan oleh pelbagai institusi pendidikan agama. Antara pihak yang terlibat ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai pemacu utama yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

Bagi melaksanakan KBT, dua mata pelajaran baru ditambah ke dalam kurikulum tahfiz iaitu Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang sedia ada. KBT bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu menghafaz dan memahami tiga puluh juzuk al-Quran, mempunyai asas dalam al-Quran dan al-Sunnah untuk membina hubungan dengan Allah, persekitaran dan orang lain, dan mempunyai keupayaan untuk berfikir secara inovatif dan kreatif. Mengikut Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (2015), murid dijangka mampu menghafal dan mempelajari tiga puluh juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun di sekolah menengah. Mereka juga dijangka mampu mengintegrasikan pelajaran al-Quran dengan pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, kurikulum tahfiz ini juga bertujuan untuk melahirkan generasi Muslim yang mahir dalam pelbagai bahasa seperti Mandarin, Perancis dan Turki serta boleh berijtihad tentang sesuatu keputusan dengan pemikiran matang.

## **Cabaran Guru Tahfiz**

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mardhiah Yahaya et al., (2018), cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz ialah mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang teknik dan kaedah pengajaran yang tidak berkesan. Kebijaksanaan guru menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran pedagogi tahfiz yang diperlukan dalam proses penyampaian ilmu akan membantu guru dalam mengajar dengan lebih berkesan. Kajian yang dilakukan oleh Sri Andayani et al. (2019) mendapati bahawa terdapat guru tahfiz yang tidak bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran, walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang sangat baik tentang pengajaran. Selain itu, didapati bahawa guru tahfiz hanya menumpukan perhatian kepada bahan tanpa mempunyai kebolehan pedagogi yang diperlukan. Akibatnya, pendidikan tahfiz mencapai tahap kejayaan yang rendah. Pencapaian murid pula akan terjejas jika guru tahfiz tidak mempelbagaikan cara mereka mengajar. Ini disokong oleh Muhd Zulhilmi et al., (2019), kegagalan guru dalam menggunakan strategi, kaedah, dan teknik pengajaran dan pemudahcaraan adalah punca pencapaian pelajar tahfiz yang lemah.

Kurang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh guru tahfiz turut menjadi cabaran buat mereka. Sebagai sebahagian daripada konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), guru dikehendaki mengembangkan pelbagai pendekatan, teknik dan strategi pengajaran dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa guru tahfiz masih menggunakan pendekatan yang tidak inovatif dan tidak berkesan apabila mengajar subjek Hifz al-Quran. Majoriti guru tahfiz menggunakan kaedah tasmik dan kaedah talaqqi musyafahah secara meluas. Mereka tidak cuba memasukkan kaedah dan metodologi terkini. Selain itu, Siti Khadizah et al., (2021) mendapati bahawa walaupun guru tahfiz mempunyai pengetahuan asas teknologi, mereka kurang memberi perhatian kepada penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Walaupun mereka mahir menggunakan peranti seperti projektor, komputer dan laptop, terdapat guru yang lebih suka menggunakan kaedah pengajaran tradisional berbanding menggunakan peranti ini.

Cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz juga adalah mereka kurang mahir berkomunikasi dalam Bahasa Arab, walaupun bahasa ini merupakan bahasa pengantar untuk menyampaikan subjek Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Kajian oleh Mohd Syaiful Naim et al., (2022) tentang tahap kemahiran komunikasi Bahasa Arab guru tahfiz di Negeri Sembilan adalah sederhana di mana ia menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak yakin untuk menggunakan Bahasa Arab ketika mereka mengajar subjek Qiraat. Ini menunjukkan bahawa guru perlu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab apabila mengajar. Seseorang guru mesti menguasai semua aspek komunikasi untuk menyampaikan pengetahuan kepada pelajar mereka dengan berkesan. Menurut Siti Nurjanah Mastor et al., (2020), komunikasi yang berkesan adalah komponen penting yang menyumbang kepada kefahaman, pencapaian dan perubahan sahsiah pelajar. Ia juga memupuk keinginan mereka untuk terus menghafaz al-Quran.

## **Pembangunan Profesionalisme Guru**

Dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru, tiga elemen menjadi keutamaan menurut Azarul Razamin et al., (2023). Pertama, persekitaran akademik sekolah yang

mengutamakan orientasi pengguna berdasarkan pengetahuan dan pekerja profesional. Aspek kedua memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran dengan memberi tumpuan kepada pembangunan profesional guru. Aspek ketiga menunjukkan hubungan yang baik dan kerjasama antara warga sekolah menurut. Oleh itu, pengurusan sekolah boleh menggunakan pembangunan profesionalisme guru untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi guru. Pembangunan profesionalisme guru juga sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi guru semasa atau masa depan dengan menyebarkan ilmu, mengubah perspektif dan meningkatkan kemahiran mereka.

Fokus dan konsep ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran sentiasa berubah seiring dengan zaman. Oleh itu, apabila guru dibekalkan dengan pengetahuan pedagogi dan kemahiran terkini yang diperlukan untuk pembangunan profesionalisme guru di sekolah, mereka akan beralih daripada amalan pengajaran dan pembelajaran yang lama. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad Baha' et al., (2019), pelbagai isu penting yang mengganggu pengajaran dan pembelajaran guru telah disebabkan oleh perubahan pengajaran dan pembelajaran guru yang sentiasa berubah dan cepat. Membantu guru meningkatkan pengajaran dan kualiti perkhidmatan adalah matlamat pembangunan profesionalisme guru. Perancangan yang teliti diperlukan untuk penglibatan ini. Ini termasuk mengambil tindakan susulan yang sistematik dan menganalisis keperluan latihan secara berterusan dan berterusan.

Untuk memastikan pendidikan dan asuhan murid ke arah kedewasaan lebih bermakna dan bermanfaat, guru perlu mengembangkan profesionalisme mereka. Oleh itu, pembangunan profesional guru adalah penting di sekolah. Ia dilaksanakan dengan menilai keperluan latihan guru. Sokongan dan bantuan diperlukan untuk memastikan guru sentiasa memahami pendidikan moden. Kursus dan latihan perguruan asas di institusi pendidikan dan universiti tidak memberikan guru kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjalankan projek, program dan kurikulum baru disebabkan perubahan dan pembaharuan yang berterusan. Azarul Razamin et al., (2023) menyatakan bahawa latihan guru adalah penting untuk meningkatkan profesionalisme guru baru, dan budaya yang sistematik dan berterusan perlu mewujudkan sikap ingin belajar.

## **Kepentingan Analisis Keperluan Latihan**

Menurut Affezah Ali et al., (2017), kebanyakan guru sekolah yang bercorak Islam memerlukan latihan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka. Analisis keperluan latihan bertujuan untuk menentukan sama ada perancangan dan pelaksanaan pembangunan profesionalisme guru berjalan mengikut matlamat dan sama ada pembangunan profesionalisme benar-benar berkesan dan berguna kepada guru. Analisis keperluan latihan adalah penting untuk pembangunan profesionalisme guru atas beberapa sebab (Alias Musa, 2017). Pertama sekali, ia membolehkan menetapkan objektif sekolah dan strategi untuk mencapainya. Kedua, ia membolehkan mengenal pasti perbezaan antara kebolehan yang dimiliki oleh guru dan kebolehan yang diperlukan oleh sekolah untuk mencapai objektif ini. Ketiga, ia membolehkan guru menggabungkan kebolehan mereka dengan kebolehan yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas yang ditetapkan.

Analisis keperluan adalah penting kerana ia berfungsi sebagai garis panduan untuk menentukan kemahiran, pengetahuan, kebolehan dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah sekolah. Mohd Izham dan Mazlan Sirat (2018) menyatakan analisis yang sistematik dan berterusan tentang keperluan latihan akan menghasilkan pembangunan profesionalisme yang lebih baik yang boleh digunakan oleh semua guru di sekolah. Terdapat banyak sekolah yang menganggap analisis keperluan latihan tidak perlu dan membuang masa dan wang. Pengurusan sekolah perlu menjalankan analisis keperluan latihan dengan teliti, sistematik dan tepat untuk membuktikan bahawa anggapan itu tidak benar. Dalam proses pembangunan sumber manusia di sekolah, pembangunan profesionalisme guru merupakan sumber yang berharga dan menguntungkan. Namun, kejayaan pembangunan profesionalisme guru bergantung pada perancangan yang teliti untuk menganalisis keperluan latihan.

Analisis keperluan sebelum menjalankan pembangunan profesionalisme guru adalah penting bagi mengenalpasti isu bidang khusus sekolah (Mohd Faeez et al., 2018). Sebelum membuat rancangan untuk pembangunan profesionalisme guru, adalah penting untuk menyesuaikan diri dengan isu yang dihadapi. Pembangunan profesional guru akan lebih tertumpu kepada kemahiran yang diperlukan. Selain itu, ia penting bagi mendapatkan kerjasama semua warga sekolah. Pengurusan sekolah harus sedar dan yakin tentang kesan pembangunan profesionalisme guru terhadap institusi pendidikan mereka pelaksanaan. Analisis keperluan latihan juga penting bagi mendapatkan data yang tepat untuk semua guru agar perubahan selepas pelaksanaan dapat dilihat dengan keberkesanannya. Yang terakhir, ia penting bagi mengenalpasti kesan program pembangunan profesionalismeyang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai guru berkaliber.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru tahniz dan mengenalpasti jenis latihan pembangunan profesionalisme yang diperlukan. Strategi kajian digunakan adalah kajian kes bersesuaian dengan kajian yang bersifat penerokaan. Creswell (2014) menyatakan kajian kes ialah reka bentuk penyelidikan yang membolehkan penyelidik membuat analisis mendalam tentang sesuatu kes, program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau sekumpulan individu. Informan atau peserta penyelidikan bersifat kualitatif dipilih dalam skala kecil bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Maka, data kajian ini dikumpulkan melalui teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan menemubual tiga orang guru tahniz yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tahniz (Merriam, 2009) dan mampu menjawab persoalan kajian dengan baik. Kriteria pemilihan sampel kajian adalah Ketua Jabatan al-Quran Sekolah Menengah Imtiaz yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahniz iaitu TFT0001, TFT6002 dan TFT3004. Sampel yang dipilih juga mempunyai pengalaman menguruskan selok-belok guru tahniz di sekolah dan turut mengajar dua subjek kurikulum tahniz iaitu Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan kajian mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Terdapat 3 tema bagi cabaran yang dihadapi oleh guru tahfiz iaitu:

### Tema Cabaran 1 : Kurang Bahan Bantu Mengajar Yang Kreatif

Informan ketiga (G3) menyatakan kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tahfiz terutamanya subjek Maharat al-Quran. Jelasnya BBM mampu memberikan impak yang positif seperti meningkatkan keseronokan murid, menjadikan pengajaran lebih aktif serta meningkatkan kefahaman murid-murid mengenai topik pengajaran. Berdasarkan hasil temubual mendapati guru tahfiz kurang kreatif menghasilkan BBM bagi subjek *Maharat al-Quran*. Informan turut menyatakan subjek tahfiz baru diperkenalkan dan tidak mempunyai banyak rujukan contoh BBM yang boleh dihasilkan berbanding subjek-subjek lain :

“ ...contoh macam subjek RBT, dah ada banyak bahan bantu mengajar yang bersesuaian yang boleh digunakan. Tapi untuk subjek Maharat al-Quran masih belum banyak contoh bahan bantu mengajar yang ada. Saya rasa perlu ada pendedahan pasal ini.. Sebab subjek baru kan. Penggunaan BBM dalam pengajaran penting bagi menarik minat murid nak belajar subjek Maharat..”

### Tema Cabaran 2 : Kesukaran Mengaplikasikan Pengajaran Abad Ke-21

Menurut informan kedua (G2), guru tahfiz menyedari bahawa kepentingan untuk mengaplikasikan elemen abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil temubual mendapati guru tahfiz berdepan dengan cabaran mengaplikasikan pengajaran abad ke-21 contohnya penggunaan teknologi dalam subjek Hifz al-Quran dan juga aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Cabaran ini dihadapi disebabkan kebanyakan guru tahfiz adalah guru baharu yang masih kurang pengetahuan dan kemahiran pedagogi walaupun mereka telah belajar secara teori semasa ikhtisas pendidikan di Institut Pendidikan Guru (IPG).

“... sekarang kan zaman PAK21 yang ada beberapa elemen guru kena buat tu.. Cuma kami kadang kurang jelas macam mana nak apply contohnya penggunaan teknologi dalam subjek Hifz kalau di sekolah melainkan waktu cuti murid tasmik guna telefon atau Ipad... Sebab kebiasaannya di sekolah ni dalam bentuk halaqah.. satu lagi saya dapati guru jarang aplikasi KBAT dalam kelas..”

### Tema Cabaran 3 : Kurang Mahir Bahasa Arab Sebagai Bahasa Pengantar Kurikulum

Informan pertama (G1) menyatakan keperluan guru tahfiz menguasai Bahasa Arab kerana ianya merupakan bahasa pengantar bagi pengajaran subjek KBT iaitu Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Oleh itu, guru tahfiz harus mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam Bahasa Arab

bagi mengajar subjek KBT walaupun mereka tidak mendalami bidang tersebut. Hasil daripada temubual, guru tahfiz menyatakan cabaran mereka untuk menguasai Bahasa Arab terutamanya kemahiran bertutur. Mereka turut berdepan dengan kesukaran untuk memahami kitab qiraat dan buku teks dalam Bahasa Arab.

“... setakat pemerhatian saya tak semua guru tahfiz faham Bahasa Arab.. Walaupun belajar kat Mesir ke, Jordan ke, tak semua mereka fasih.. Apatah lagi nak cakap Arab.. Mungkin sebab mereka tak mendalami bidang bahasa tu sebab belajar pengkhususan lain.. Jadi, perlulah perkasan lagi Bahasa Arab guru tahfiz sebab buku teks Maharat al-Quran ditulis dalam Arab.. Kitab-kitab Qiraat pun dalam Arab”

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan kajian mengenai jenis latihan yang diperlukan oleh guru tahfiz berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Latihan yang diperlukan oleh guru tahfiz bagi menjawab persoalan kedua adalah:

### **Bengkel Pedagogi Kreatif dan Inovasi Bidang Tahfiz**

Penggunaan bahan bantu mengajar yang kreatif dan menarik mampu memberikan impak yang positif terhadap kefahaman murid tentang sesuatu pelajaran. Hasil kajian mendapati guru tahfiz memerlukan latihan berbentuk bengkel yang mampu meningkatkan nilai kreativiti mereka. Bengkel dijalankan secara amali (hands-on) dalam membina bahan bantu mengajar terutamanya bagi subjek Maharat al-Quran bagi memastikan peserta dapat bersoal jawab terus dengan penceramah berbanding sesi perkongsian semata-mata. Informan (G3) turut menyatakan penglibatan guru tahfiz dalam program inovasi bidang tahfiz amat penting sekiranya diberikan peluang bagi meningkatkan kualiti dan efisien dalam pengajaran tahfiz.

“Bagi aspek latihan yang diperlukan.. saya rasa boleh anjurkan bengkel yang boleh tingkatkan kreativiti guru tahfiz contohnya nak hasilkan bahan bantu mengajar subjek Maharat.. dalam bengkel itu, mereka boleh brainstorm dan buat terus BBM... Nanti balik sekolah boleh guna BBM tu untuk mengajar.. ataupun guru boleh join program inovasi tahfiz.. sebab biasanya inovasi menghasilkan produk yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar..”

### **Kursus Pengajaran Abad Ke-21 dan Lawatan Penanda Aras Untuk Perkongsian Amalan Terbaik**

Penerapan elemen abad ke-21 dalam pengajaran merupakan satu tuntutan kepada setiap guru menurut informan kedua (G2). Hasil kajian mendapati guru tahfiz memerlukan latihan berbentuk kursus yang mendedahkan cara aplikasi teknologi terutamanya dalam subjek Hifz al-Quran. Kurus tentang aplikasi KBAT dalam pendidikan tahfiz juga menjadi keperluan buat guru tahfiz. Selain itu, informan turut mencadangkan untuk diadakan sesi perkongsian amalan

terbaik tentang penggunaan teknologi dalam pendidikan tafhiz contohnya melalui lawatan penanda aras ke sekolah lain.

“Bagi saya, pihak berkaitan boleh anjurkan satu kursus untuk semua guru tafhiz tentang teknik dan kaedah pengajaran terkini.. dalam kursus itu boleh diberi penekanan pasal penggunaan ICT dalam subjek KBT dan juga pendedahan pasal KBAT dalam tafhiz.. selain itu, pihak sekolah mungkin boleh buat lawatan penanda aras ke sekolah tafhiz lain yang cemerlang untuk kita sama-sama berkongsi..”

### **Kursus Pemantapan Bahasa Arab dan Pementoran Berterusan**

Hasil temubual bersama informan pertama (G1) mendapati adalah menjadi satu keperluan bagi guru tafhiz menjalani kursus pemantapan Bahasa Arab bagi membantu mereka melaksanakan kurikulum tafhiz. Informan menyatakan kursus yang diadakan boleh dibuat dalam beberapa siri contohnya siri pertama menfokuskan kepada kandungan pelajaran dalam buku teks manakala siri kedua pula menfokuskan kepada penggunaan Bahasa Arab dalam bilik darjah. Selain itu, informan turut mencadangkan agar guru tafhiz selalu merujuk guru mentor Bahasa Arab yang berpengalaman di sekolah mereka.

“Berdasarkan pekeliling, guru tafhiz kena mengajar dalam Bahasa Arab..antara cadangan saya untuk memperkasakan penguasaan Bahasa Arab ialah melalui siri kursus pemantapan Bahasa Arab lah.. contoh buat siri pertama fokus kepada kandungan buku teks, siri kedua pula fokus kepada kemahiran bercakap.. kat sekolah kita pun ada Ustazah Zuraida, JU Bahasa Arab Terengganu.. saya cadang guru tafhiz boleh rujuk dia selalu untuk mantapkan lagi Bahasa Arab.. ”.

### **PERBINCANGAN**

Para informan telah menyatakan guru tafhiz berdepan dengan pelbagai cabaran demi mencapai matlamat pendidikan tafhiz negara. Usaha untuk mempersiapkan guru tafhiz yang berkualiti dan mampu untuk berdaya saing dengan cabaran semasa, maka latihan yang berterusan perlulah disediakan kepada mereka (Affezah Ali, 2017). Latihan yang disediakan perlulah bersesuaian dengan keperluan dan tuntutan semasa yang mana ianya mampu mempertingkatkan profesionalisme mereka sebagai guru tafhiz. Mereka telah mendapatkan latihan semasa di kampus pengajian bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan ikhtisas pendidikan akan tetapi mereka masih lagi memerlukan latihan yang bersifat lebih praktikal kerana kini mereka sudah berada dalam dunia pendidikan. Tambahan pula, kebanyakannya daripada guru tafhiz merupakan guru novis yang mengajar kurang daripada 10 tahun memandangkan kurikulum tafhiz baru diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

Hasil kajian mendapati guru tafhiz kurang kreatif dalam pembinaan bahan bantu mengajar terutamanya bagi subjek Maharat al-Quran. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh Muhd Zulhilmi et al., (2019) bahawa kebanyakannya guru tafhiz masih terikat dengan kaedah

tradisional iaitu talaqqi dan musyafahah. Sejak diperkenalkan kurikulum tafsir pada tahun 2014, bahan bantu mengajar bagi subjek Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran yang dihasilkan masih terhad (Muhsin Zulhilmi et al., 2020). Namun begitu, Awang Nurizal et al., (2022) menyatakan guru tafsir seharusnya berusaha untuk menambah pengetahuan dan kemahiran agar pengajaran menjadi lebih berkesan. Penggunaan BBM dalam pengajaran tafsir dapat memberikan impak yang positif seperti menghasilkan pembelajaran al-Quran yang lebih efisien dan mampu membantu murid menguasai kemahiran al-Quran dengan baik (Sri Andayani et al., 2019). Hasil kajian turut mendapati antara cara meningkatkan kreativiti guru tafsir ialah melalui penganjuran Bengkel Pedagogi Kreatif yang mampu membimbing mereka menghasilkan bahan bantu mengajar yang berkesan. Selain itu, guru tafsir juga disaran untuk melibatkan diri mereka dalam inovasi tafsir. Pihak berkaitan seperti JPN dan PPD dicadangkan menganjurkan program Inovasi Bidang Tafsir sebagai platform untuk guru tafsir memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas.

Selain itu, guru tafsir turut berdepan kesukaran mengaplikasikan Pengajaran Abad Ke-21 walaupun mereka memperoleh pengetahuan semasa di kampus pengajian. Perkara ini bertepatan dengan dapatan Sri Andayani et al., (2019) bahawa terdapat guru tafsir kurang bersedia untuk melaksanakan sesuatu amalan pengajaran walaupun mereka mempunyai pemahaman mengenainya. Hasil kajian menunjukkan aplikasi teknologi dalam subjek Hifz al-Quran sukar dilaksanakan dan kurang penekanan kemahiran berfikir dalam kalangan guru tafsir. Dapatan ini selari dengan kajian Siti Khadizah et al., (2021) yang menyatakan guru tafsir kurang mengamalkan pembelajaran aktif dan kurang mengaitkan pembelajaran al-Quran dengan kehidupan sehari-hari. Mereka mengetahui kepentingan dan manfaat untuk menjalankan pembelajaran ini namun kebarangkalian mereka kurang jelas dan berkemahiran untuk melaksanakannya. Oleh itu, latihan yang diberikan perlu seiring dengan perubahan dasar dan polisi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kajian ini mendapati guru tafsir memerlukan Bengkel Pengajaran Abad Ke-21 bagi mempertingkatkan profesionalisme mereka tersebut sepetimana yang turut dicadangkan oleh kajian Cecilia Kong dan Mohamed Yusoff (2020). Lawatan penanda aras juga menjadi keperluan buat guru tafsir untuk mendapatkan perkongsian amalan terbaik daripada sekolah lain bagi menambahbaik prestasi mereka (Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan, 2014).

Hasil kajian juga mendapati guru tafsir kurang menguasai Bahasa Arab walaupun kebanyakan mereka merupakan graduan universiti Timur Tengah. Kajian Mohd Syaiful Naim et al., (2022) turut mendapati tahap penggunaan Bahasa Arab guru tafsir di Negeri Sembilan dalam pengajaran subjek Qiraat adalah sederhana. Latihan untuk memperkasakan kemahiran Bahasa Arab menjadi satu keperluan bagi memudahkan mereka menyampaikan kandungan pengajaran subjek Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Komunikasi berkesan merupakan komponen penting yang menyumbang kepada kefahaman, pencapaian dan perubahan sahsiah murid serta memupuk keinginan mereka untuk terus menghafaz al-Quran (Siti Nurjanah Mastor, 2020). Hasil kajian mencadangkan penganjuran siri Kursus Pemantapan Bahasa Arab sebagai platform guru tafsir mengukuhkan kefahaman kandungan pelajaran dan kemahiran bertutur Bahasa Arab yang mana mampu menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran (Azarul Razamin et al., 2023). Kajian ini turut mencadangkan guru tafsir merujuk guru berpengalaman melalui pementoran berterusan bagi memantapkan penguasaan Bahasa

Arab dan juga aspek lain seperti pengurusan bilik darjah dan pengurusan psikologi murid. Hal ini memandangkan kebanyakannya mereka masih kurang pengalaman dan kesukaran merujuk pakar tafsir (Ahmad Baha' et al., 2019). Pembinaan modul coaching dan mentoring bidang tafsir merupakan satu cadangan bernalas kepada pihak berkaitan bagi mempertingkatkan profesionalisme guru tafsir (Mimi Nur Asyikin & Hafizah Zulkifli, 2023).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, guru tafsir menghadapi cabaran dalam melaksanakan kurikulum tafsir. Antaranya, kurang kreativiti dalam pembinaan bahan bantu mengajar dan pengajaran, kesukaran aplikasi teknologi dan kemahiran dalam pengajaran dan kurang kefahaman dan kemahiran bertutur dalam Bahasa Arab. Mereka turut menyatakan kepentingan latihan dalam meningkatkan profesionalisme dan kompetensi mereka sebagai guru kurang berpengalaman. Bagi menjamin keberkesanan latihan-latihan yang dilaksanakan, analisis latihan profesionalisme berdasarkan keperluan guru tafsir telah dijalankan melalui temubual secara lisan dalam kajian ini. Maka, dicadangkan antara kursus-kursus yang diperlukan oleh guru tafsir bagi meningkatkan profesionalisme mereka adalah Bengkel Pedagogi Kreatif, Bengkel Inovasi Bidang Tafsir, Bengkel Pengajaran Abad Ke-21, Perkongsian Amalan Terbaik Melalui Lawatan Penanda Aras, Bengkel Pemantapan Bahasa Arab dan Coaching Mentoring.

## RUJUKAN

- Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong & Zukhuriatul H Mhd Yusof. 2017. Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Di Selangor. *National Pre Seminar 23*:116-129.
- Ahmad Baha' Mokhtar, Dewi Erika Samidi & Abd Rahman Abd Ghani. 2019. Perguruan Tafsir Al-Qur'an : Masalah Dan Penyelesaian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 4*(19): 29-37.
- Alias Musa. 2017. Pembangunan Profesionalisme Guru Berdasarkan Analisis Keperluan Latihan Bagi Guru Sekolah Kebangsaan Di Terengganu. Disertasi Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Awang Nurizal Awang Kenit, Kitikedizah Hambali & Jemaah Nazir Cawangan Miri. 2022. Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Tafsir Model Ulul Albab (TMUA): Satu Kajian Kes Di Sarawak. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization 5*(1): 51-57.
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. 2023. Meningkatkan Pembangunan Profesional Dan Kompetensi Guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis. *Global Journal of Educational Research and Management 3*(1):62-70.
- Cecilia Kong Pick Chien & Mohamed Yusoff Mohd Nor. 2020. Tahap Kesediaan Dan Keperluan Latihan Guru Dan Hubungannya Dengan Kemampuan Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21. *Jurnal Dunia Pendidikan 4*(2):142-152.

- Cresswell, J.W. 2014. *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mix Methods Approaches*. Los Angeles. SAGE Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan*. Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. Bahagian Pendidikan Islam.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed & Aslam Farah Selamat. 2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation (2nd Ed)*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Mimi Nur Asyikin Shamsuri & Hafizhah Zulkifli. 2023. Coaching Dalam Pengajaran Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam* 16(1): 50-61.
- Mohd Faeez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali & Muhammad Syakir Sulaiman. 2018. Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor. *Research Management Centre (RMC) KUIS*.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Mazlan Sirat. 2018. Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Kekerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1):17-23.
- Mohd Syaiful Naim Shaedi, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. 2022. Tahap Kompetensi Guru Qiraat Di Negeri Sembilan Dalam Pengajaran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 8(1): 47-61.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. 2019. Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research* 1: 289-316.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zali, Siti Nor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh. 2020. Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab. *Al-Hikmah* 12(2): 3-18.
- Siti Khadizah Kaimin, Ahmad Yussuf & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. 2021. Perguruan Tahfiz Al-Qur'an : Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia. *7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaaín Safar. 2020. Tahap Pencapaian Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah. *Al-Hikmah* 12(2):35-52.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2021. Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5(2): 39-50.